

22 APR 2001

Mahathir-LTdL

DR MAHATHIR GALAK KERJA SUKARELA

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata budaya menyumbang tenaga secara sukarela harus dipupuk kerana ia memberi banyak faedah kepada pelbagai pihak.

"Saya harap sikap ini akan berterusan supaya kita dapat kembangkan lagi aktiviti seperti ini," kata Perdana Menteri ketika berucap pada majlis penghargaan kepada penaja dan sukarelawan yang terlibat dalam penganjuran kejohanan lumba basikal Le Tour de Langkawi 2001 di sini, hari ini.

Kejohanan sejauh 1,800km itu telah berlangsung pada Februari lepas dengan disertai beberapa pasukan luar negara.

Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada semua warga Malaysia yang terlibat dalam menjayakan acara antarabangsa itu.

"Ramai yang telah menyumbang tenaga dan masa untuk menjayakan program ini secara sukarela. Kalau nak bayar gaji, tak mungkin. Tetapi kerana adanya pihak yang sanggup tolong, kita dapat jayakan acara ini dengan baik," katanya.

Dr Mahathir berkata LTdL juga berjaya memperkenalkan Malaysia ke seluruh dunia kerana liputan media mengenainya turut menggambarkan kehidupan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan tempat-tempat menarik yang dilalui peserta di sepanjang perlumbaan itu.

"Bukan sahaja pertandingan (perlumbaan) yang ditunjukkan tetapi juga pemandangan di Malaysia yang secara tidak langsung dapat menarik pelancong datang ke negara ini," katanya.

Seramai 990 pegawai dan sukarelawan terbabit dalam acara perlumbaan basikal itu pada Februari lepas yang dianjurkan oleh First Cartel (M) Sdn Bhd. Acara itu disertai oleh 175 peserta yang mewakili 25 pasukan.

Dr Mahathir turut memuji rakyat Malaysia yang kini lebih "supportive" terhadap acara-acara sukan yang dijalankan di negara ini.

"Tanpa mereka, tentu acara tidak jadi menarik...tak dapat bangunkan semangat peserta," katanya.

Beliau juga melahirkan rasa bangga kerana acara LTdL yang sebelum ini dirancang untuk diadakan sekitar Langkawi sahaja kini telah berjaya diadakan di seluruh negara.

Pada majlis itu Perdana Menteri turut menyampaikan hadiah kepada pemenang kuiz TV sempena LTdL.

Kuiz yang dianjurkan tiga tahun berturut-turut itu menawarkan hadiah sebuah kereta Proton Wira 1.5 sebagai hadiah utama tajaan Proton disamping hadiah lain seperti telefon bimbit, basikal dan hamper.

Kuiz berkenaan menerima lebih 15,000 penyertaan dengan 5,283 penyertaan yang betul. Cabutan bagi hadiah utama, hadiah pertama dan kedua dilakukan oleh Dr Mahathir pada majlis itu.

Atiyansa @ Mardhiyyah Mohamad Salleh dari Kampung Baru di sini diumumkan sebagai pemenang utama manakala hadiah pertama dimenangi oleh Noor AdzLindawati Ali dari Port Dickson, Negeri Sembilan dan hadiah kedua oleh Rumazi Ahmad dari Triang, Pahang.

-- BERNAMA

NZ NZ MOZ